

## **SABAR TUNGGU PELANTIKAN MANDAT BARU**

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain  
Penasihat Undang-Undang  
Universiti Malaysia Perlis

Rombakan Jemaah Menteri bukanlah suatu amalan baharu di Malaysia, begitu juga peletakan jawatan seorang Perdana Menteri yang masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Tun Dr Mahathir dan Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika meletakkan jawatan masing-masing sebagai Perdana Menteri Malaysia ke 4 dan ke 5 masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Untuk menyoroti dua isu di atas dengan situasi hari ini, ada baiknya dihuraikan terlebih dahulu kedudukan Jemaah Menteri dalam Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan ialah Kerajaan Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Kuasa eksekutif Kerajaan YDPA itu ditadbir oleh Jemaah Menteri yang boleh dilantik dalam kalangan ahli Majlis Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perlembagaan Persekutuan mensyaratkan seorang Perdana Menteri hendaklah terlebih dahulu dilantik dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada pertimbangan YDPA boleh mendapat sokongan majoriti ahli-ahlinya.

Pembubaran Parlimen ialah istilah popular untuk menunjukkan mandat diserahkan kembali kepada rakyat untuk memilih Kerajaan pilihan mereka melalui proses pilihanraya umum. Ada 2 keadaan untuk dinilai sama ada Parlimen wajar dibubar atau tidak oleh YDPA di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pertama, amalan biasa apabila YDPA dinasihati oleh Perdana Menteri untuk membubarkan Parlimen apabila menghampiri tempoh hayatnya, iaitu 5 tahun. Kedua, permintaan Perdana Menteri yang tewas akibat undi tidak percaya oleh ahli Dewan Rakyat.

Perkara 55 menyatakan YDPA boleh memprorog atau membubarkan Parlimen. Kuasa di bawah Perkara 55 secara amalnya dibuat atas nasihat Perdana Menteri. Apa yang menariknya Perkara 40(1) mensyaratkan YDPA hendaklah bertindak di atas nasihat Jemaah Menteri atau seseorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan.

Jika dilihat pada peruntukkan di atas, Jemaah Menteri boleh menasihati YDPA untuk membubarkan Parlimen. Dalam keadaan ini, pastinya perlu ada satu keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuarat, atau seseorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri, lazimnya Perdana Menteri.

YDPA juga boleh membubarkan Parlimen apabila diminta oleh seorang Perdana Menteri yang tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Walaubagaimanapun ada pengecualian dalam isu nasihat atau permintaan untuk membubarkan Parlimen. YDPA mempunyai budi bicara di bawah Perkara 40(2)(b) untuk tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen. Kuasa ini tidak bermakna YDPA boleh menghalang pembubaran Parlimen selama-lamanya kerana Perkara 55(3) mensyaratkan bahawa melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selapas itu adalah terubur dengan sendirinya.

Ringkasnya, isu pembubaran Parlimen timbul apabila YDPA menimbang nasihat Jemaah Menteri atau Perdana Menteri selaku ketua Jemaah Menteri.

Pembubaran Parlimen di dalam situasi di atas akan mengakibatkan wujudnya Jemaah Menteri interim untuk melaksanakan tugas penasihat kepada YDPA dan fungsi eksekutif baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Selagi seorang Perdana Menteri masih mempunyai sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat, beliau boleh terus melaksanakan tugas dan memimpin Jemaah Menteri, sebagai ketua Kerajaan YDPA. Perlembagaan Persekutuan tidak merujuk kepada mana-mana parti politik kerana hak untuk melantik Perdana Menteri itu terletak pada budi bicara YDPA dengan syarat pada pertimbangan baginda seorang ahli Dewan Rakyat yang boleh mendapat sokongan majoriti ahli-ahlinya. Kebijaksanaan dalam penggubalan peruntukan sedemikian itu terserah apabila dalam keputusan PRU lepas tiada parti yang bersendirian mendapat undi majoriti ahli Dewan Rakyat.

Dalam tempoh itu, Perdana Menteri boleh menasihati YDPA untuk membentuk Jemaah Menteri atau membuat rombakan dari masa ke semasa. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, ahli Jemaah Menteri dilantik dalam kalangan ahli mana-mana Majlis Parlimen.

Peristiwa mutakhir menyaksikan Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan pada jam 1 pm, 24 Februari 2020 walaupun masih mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat sebagai seorang Perdana Menteri. Tidak dapat dipastikan sama ada Tun Dr Mahathir telah juga menasihati YDPA untuk membatalkan pelantikan ahli Jemaah Menteri lain di bawah Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, keadaan kali ini agak berbeza dengan amalan sebelumnya kerana tindakan Tun Dr Mahathir dilihat untuk mengembalikan mandat bagi maksud pembentukan Jemaah Menteri yang perlu mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Kewibawaan Jemaah Menteri sedia ada kini tercabar apabila PBBM telah mengisytiharkan keluar dari PH berserta sejumlah ahli Dewan Rakyat dari PKR juga lain-lain parti gabungan.

Langkah Tun Dr Mahathir merupakan tindakan cukup berwibawa kerana tiada peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menghalang beliau untuk menubuhkan Jemaah Menteri baharu walaupun komposisinya berbeza dengan sedia ada, asalkan sahaja calon-calonnya ialah ahli Majlis Parlimen. Hal ini kerana beliau masih mempunyai kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Oleh kerana pada waktu rencana ini ditulis Jemaah Menteri tidak lagi mempunyai seorang Perdana Menteri, maka YDPA perlulah melaksanakan budi bicara baginda di bawah Perkara 43(2) dibaca bersama-sama dengan Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan untuk melantik seorang ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri yang pada pertimbangan baginda mendapat sokongan majoriti ahli-ahlinya.

Dalam situasi ini tiada istilah "care taker" kerana tempoh hayat Parlimen masih ada. Sebaliknya, tiada siapapun yang boleh melaksanakan tugas dan fungsi seorang Perdana Menteri tanpa perkenan dan lantikan YDPA.

Perdana Menteri perlu dilantik oleh YDPA untuk membolehkan sebuah Jemaah Menteri berwibawa dibentuk atas nasihat Perdana Menteri. Tiada peruntukan Perlembagaan menghalang seorang Perdana Menteri yang meletak jawatan dilantik semula oleh YDPA.

Buat masa ini kelihatan Jemaah Menteri yang ada, jika belum dibatalkan pelantikannya atas nasihat Tun Dr Mahathir, ketika masih menjawat sebagai Perdana Menteri oleh kerana kelihatan sudah hilang sokongan majoriti ahli-ahli Dewan Rakyat perlulah menyerahkan kepada YDPA untuk membuat pertimbangan.

Situasi ketika ini seperti dinyatakan berbeza dengan sebelumnya. Bagi memelihara kestabilan negara dan ketenteraman dalam Persekutuan, ada baiknya semua pihak bertenang dan menyerahkan kepada budi bicara YDPA untuk melantik Perdana Menteri, selanjutnya pembentukan Jemaah Menteri yang baharu.

Semoga setiap pihak pada setiap masa patuh pada undang-undang, taat pada keluhuran Perlembagaan dan tidak sekali-kali membiarkan mana-mana pihak menanggung di air keruh.